

PM bincang pandangan dengan jemaah menteri

KUALA LUMPUR. Selasa - Pandangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkaitan dasar luar Malaysia mengenai isu keganasan dan peperangan di Afghanistan, adalah selari dengan pendirian kerajaan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, apa yang disuarakan Perdana Menteri termasuk dalam pertemuan dengan Presiden Amerika Syarikat, George W Bush di Shanghai. Sabtu lalu, dibincang terlebih dahulu dengan panjang lebar di mesyuarat Kabinet.

"Oleh itu, pandangan Dr Mahathir itu bukan dikeluarkan ikut suka (hati)... tetapi banyak pandangannya yang terlebih dahulu dibincang dalam jemaah menteri.

"Kadang-kadang kita mengambil masa yang lama (berbincang) terutama dalam hal berkaitan isu keganasan dan tindakan Amerika Syarikat menyerang Afghanistan," katanya selepas merasmikan semi-

nar Pengkorporatan, Agensi Kerajaan di sini, hari ini.

Dalam pertemuan dengan Bush sempena forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) baru-haru ini, Dr Mahathir antara lain meminta Amerika Syarikat menyelesaikan isu Palestin dalam usaha menangani masalah keganasan.

Abdullah menyifatkan pertemuan Dr Mahathir dan Bush itu sebagai amat penting bagi mewujudkan persefahaman yang lebih baik antara kedua-dua negara.

"Pertemuan itu baik dan penting. Saya percaya ia juga akan dapat melahirkan satu persefahaman antara kedua-dua pemimpin dan kedua-dua negara mengenai pelbagai isu yang timbul kerana salah faham," katanya.

Katanya, Malaysia dilihat sebagai menentang Amerika, pada hal negara tidak membantah kuasa besar itu dengan sengaja.

"Kita bukan sengaja nak menentang, bukan sengaja nak cari gaduh, tetapi kita mengambil pilihan

untuk menyatakan apa yang benar, itu benar. Itu pandangan kita," katanya.

Abdullah menegaskan bahawa inilah cara Dr Mahathir menyuarakan pendapatnya dan apa yang beliau katakan bukanlah pandangan beliau saja malah pendapat anggota Kabinet.

Katanya, segala pandangan Malaysia itu perlu difahami Amerika dan pendirian negara ini adalah tetap menentang tindakan keganasan.

"Misalnya, apabila Iraq menyerang Kuwait, Malaysia menentang pencerobohan itu dan dianggap sebagai sahabat Amerika, tetapi selepas Iraq meninggalkan Kuwait dan sekatan dikenakan terhadap kerajaan Saddam Hussein, Malaysia membantah tindakan itu.

"Pendirian Malaysia mengenai pelbagai isu adalah konsisten terutama dalam menolak keganasan dan disebabkan inilah kerajaan tidak menyokong serangan Amerika ke atas Afghanistan," katanya.

Mengenai antraks yang menjadi bahan gurauan dan berleluasa di seluruh negara, Abdullah berkata kerajaan akan mendapatkan nasihat daripada sudut perundangan dan pihak polis bagi mencari jalan menangani mereka yang berbuat demikian.

Katanya, kaedah sesuai perlu dikenal pasti bagi menangani gejala tidak sihat itu kerana ia menamatkan serta menyudahkan orang ramai.

"Semua orang takutkan perkara itu, ia bukan gurauan lagi, ia amat serius. Kita perlu memikirkan jalan untuk memastikan mereka ini, jika ada, tidak akan mengulangi perbuatan itu.

"Mesti ada caranya, saya tidak tahu. Bagaimanapun saya akan bertanyakan polis dan mengkajinya. Jika pujukan dan nasihat tidak memadai bagi mereka ini, maka pihak berkuasa akan mencari jalan lain menghalang mereka daripada mengganggu kehidupan orang yang tidak berdosa," katanya.